



# CAMBAB IDEA ISU PERTANIAN, MAKANAN

**Dialog Niaga Agrobank 2017 (DNA 2017)** tingkat kesedaran awam dan pihak berkepentingan

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@hmetro.com.my



**Dialog Niaga Agrobank 2017 (DNA 2017)** adalah program kepemimpinan pemikiran bertujuan berkongsi isu, idea, solusi dan maklumat terkini dalam isu perniagaan membabitkan pertanian serta agromakanan.

Topik bertajuk Jaminan Rantaian Makanan: Bagaimana Kita Menampung Keperluan Makanan Negara? - Isu, Cabaran dan Solusi dipilih seiring dengan fokus Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menjelang Transformasi Nasional 2050 (TN50):

Peningkatan penduduk dunia menjelang 2050 menyebabkan pengeluaran makanan negara perlu ditingkatkan bagi menepati keperluan makanan rakyat.

Antara ahli panel DNA 2017 adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, Fello Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad.

Selain itu, usahawan berjaya seperti Pengarah Urusan Evergreen Livestock Farm Datuk Yap Fun Fook, Pengurus Besar Cemara Agrofarming Addy Rendra Samuri dan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat Mohd Shakran Shamsuddin.

Majlis perasmian DNA 2017 disempurnakan Menteri


**Pertanian dan Industri Asas Tani** Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek di Nexus Bangsar, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MOA Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Pengurus Lembaga Pengaruh Agrobank Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Wan Mohd Fadzmi dalam ucapannya berkata, DNA adalah satu perkongsian bertujuan meningkatkan kesedaran awam dan pihak berkepentingan berkenaan isu penting dalam industri pertanian serta sektor agromakanan.

Beliau berkata, pertanian antara pemangkin utama ekonomi negara. Sumbangan pertanian dalam usaha pembangunan negara tidak dapat dinafikan namun kini ia kurang mendapat penghargaan dan pengiktirafan.

"Hakikatnya prospek pertanian sangat besar dan terdapat banyak peluang dalam bidang ini. Pertanian sering dikaitkan dengan makanan, potensi dalam sektor pertanian



**ISMAIL** menyampaikan ucapan bertajuk 'Prospek dan Peluang Dalam Sektor Pertanian'.

sentiasa wujud dan ada perkembangan.

"Prospek pertanian dan industri asas tani (IAT) pada tahun ini dijangka kekal memberangsangkan. Ini kerana permintaan pasaran dalam dan luar negara terutama untuk sektor agro makanan dijangka terus meningkat.

"Fokus sekarang ialah untuk membangun dan memperkasakan keupayaan pengeluaran makanan negara dan memacu peningkatan eksport produk untuk pasaran ASEAN dan global," katanya.

Menurutnya, pada tahun lalu, Agrobank sudah merekodkan pertumbuhan membanggakan sebanyak 16.4 peratus dengan nilai pembiayaan keseluruhan hampir mencapai RM8.7

billion, setakat November 2016.

"Prestasi memberangsangkan ini juga antara pencapaian terbaik Agrobank bagi lima tahun kebelakangan ini. Pertumbuhan ini membuktikan sektor pertanian dan agro makanan mempunyai potensi besar dengan permintaan yang berterusan walaupun dalam keadaan ekonomi agak suram.

"Agrobank akan terus memberi sokongan kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan mengimbangi defisit makanan import melalui akses pembiayaan untuk sektor pertanian," katanya.

Wan Mohd Fadzmi berkata, sebagai bank

yang diberi mandat untuk membangunkan sektor pertanian, Agrobank menyediakan pembiayaan menyeluruh.

"Ia merangkumi pembiayaan rantaian penuh dari aktiviti huluan seperti pembekalan input pengeluaran pertanian hingga ke aktiviti hiliran iaitu pemprosesan dan penjualan produk pertanian kepada pengguna."

"Ini termasuk pembiayaan untuk tanah pertanian, pembelian mesin dan jentera, perdagangan yang berdasarkan pertanian serta modal pusingan."

"Pembiayaan Agrobank juga termasuk pembiayaan untuk pemprosesan, pembungkusan dan pengeluaran produk makanan," katanya.